



# Lawatan Industri Ke Continental Sime Tyre

Oleh: Che Zulzikrami Azner Abidin  
Jurutera Pengajar

Pada 12 Februari 2007 satu lawatan industri telah dianjurkan bertempat di Continental Sime Tyre (AS) Sdn. Bhd. (CST), pengeluar tayar terbesar di Malaysia yang terletak di Alor Setar, Kedah. Lawatan ini adalah sebahagian daripada keperluan pembelajaran bagi matapelajaran EAT 103 Pengenalan Kejuruteraan Alam Sekitar. Lawatan ini disertai oleh 28 orang pelajar tahun satu dengan diiringi oleh enam orang wargakerja akademik PPKAS yang diketuai oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), Encik Saiful Azhar Saad.

Objektif utamalawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang persekitaran kerja sebenar di sektor industri dan juga perlaksanaan sistem pengurusan alam sekitar yang dijalankan terutamanya aspek yang melibatkan peranan jurutera alam sekitar. Lawatan ini juga merupakan sebahagian daripada program IndEx 2007 yang dianjurkan Pusat Kerjasama Industri UniMAP yang mewajibkan pelajar tahun satu mendapat pendedahan industri sebelum menjalani latihan praktikal semasa berada di tahun tiga pengajian.

Sesi penerangan dipengerusikan wakil daripada Jabatan Sumber Manusia CST yang telah memberikan ucapan aluan kepada para peserta lawatan. Sesi taklimat seterusnya terbahagi kepada 3 bahagian iaitu latarbelakang syarikat, sistem pengurusan alam sekitar dan akhir sekali sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Seterusnya, Encik Saiful Azhar telah memberikan ucapan terima kasih dan menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan.

Seterusnya, para peserta yang telah dibahagikan kepada enam kumpulan kecil dibawa melawat persekitaran kilang bagi melihat dengan lebih dekat proses pembuatan tayar dan juga fasiliti-fasiliti sokongan yang terdapat di situ. Selain itu, peluang ini telah digunakan untuk mengadakan perbincangan bersama Pengurus Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Encik Mansor Jamil mengenai peluang-peluang untuk menjalin kerjasama di antara PPKAS dan CST. Topik perbincangan merangkumi bidang penyelidikan dan konsultansi yang boleh ditawarkan oleh PPKAS dan juga khidmat pensyarah pelawat daripada CST.